



Kursus "Tips & Tricks Microsoft 365" Dalam Tugas Pejabat Harian



Posted on **June 8, 2022**

by **Perpustakaan Tengku Anis UiTM Kelantan Kampus Machang**

KURSUS ICT

KURSUS "TIPS & TRICKS MICROSOFT 365" DALAM TUGASAN PEJABAT HARIAN

PENCERAMAH

En. Ahmad Akmal Bin Mohd Idris
Pustakawan Kanan
Perpustakaan Tun Dr. Ismail
UiTM Cawangan Johor

ANJURAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Perpustakaan
Tengku Anis
Cawangan Kelantan
Kampus Machang

"TIPS & TRICKS Microsoft 365"

MEDIUM: APLIKASI CISCO WEBEX

09:30 PAGI - 12:00 TENGAHARI

22 MEI 2022


UiTM di hatiku
Perpustakaan Tengku Anis

Perpustakaan Tengku Anis UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang telah menganjurkan Kursus "Tips & Tricks Microsoft 365" Dalam Tugas Pejabat Harian secara atas talian menggunakan medium Cisco Webex pada 22 Mei 2022 (Ahad) bermula jam 9.30 pagi hingga 12.00 tengahari kepada staf Perpustakaan Tengku Anis, UiTM Cawangan Kelantan serta dibuka kepada staf daripada cawangan lain.

Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan kemahiran ICT dalam kalangan staf PUiTM Kelantan, meningkatkan ketampakan (visibility) UiTM Cawangan Kelantan khususnya Perpustakaan Tengku Anis (PTA) dalam usaha menambahbaik pengurusan pejabat serta mencipta keseragaman dalam menjalankan tugas mengikut peredaran teknologi seiring dengan perkhidmatan Perpustakaan Digital.

Kursus ini juga merupakan satu inisiatif Perpustakaan Tengku Anis (PTA) dalam pembudayaan ilmu dan perkongsian pengetahuan atau wakaf ilmu yang melibatkan staf bersama panel pakar jemputan berkaitan bidang kursus yang dianjurkan.

Kursus ini juga disampaikan oleh Encik Ahmad Akmal Bin Mohd Idris, Pustakawan Kanan Perpustakaan Tun Dr Ismail UiTM Cawangan Johor. Melalui inisiatif ini, data dan rekod tugas harian perpustakaan dapat diakses dan dilaksanakan secara digital menggunakan pelbagai aplikasi dalam "Microsoft 365" tersebut sekaligus dapat menghasilkan tugas yang efisien dalam kalangan staf.



Disediakan oleh: Sazlina Saleh, Pembantu Pustakawan PTA UiTM Cawangan Kelantan

POSTED UNDER **BENGKEL** **KAMPUS MACHANG, UITM KELANTAN** **PENGURUSAN REKOD** **SDG17** **SDG4**

